

AKHBAR : BERNAMA
TARIKH : 17 MAC 2021
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : RABU

pic Español Tamil

BERNAMA.com

AM

PTPTN peruntuk zakat RM148,000 bantu pelajar asnaf



Datuk Wan Saiful Wan Jan



17/03/2021 06:24 PM

KUALA LUMPUR, 17 Mac -- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) memperuntukkan zakat berjumlah RM148,000 untuk membantu 1,480 penuntut asnaf dari 37 institusi pengajian tinggi (IPT) di seluruh negara.

Menurut kenyataan PTPTN hari ini, penuntut asnaf terbabit akan menerima RM100 seorang berupa simpanan dalam akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i).

Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) akan menyalurkan maklumat asnaf yang berkenaan kepada PTPTN berdasarkan maklumat daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar IPT masing-masing bagi memastikan sumbangan itu dapat disalurkan kepada pelajar yang layak, demikian menurut kenyataan itu.

Sementara itu, Pengerusi PTPTN Datuk Wan Saiful Wan Jan berkata bantuan yang diberikan tersebut sedikit-sebanyak dapat membantu penuntut berkenaan meneruskan pengajian mereka.

"PTPTN memahami kesusahan yang dialami pelajar-pelajar asnaf di IPT dengan pelbagai cabaran yang datang, terutama pandemik COVID-19 yang belum reda dan situasi ekonomi yang melanda negara, harapan saya agar pelajar dapat meneruskan pengajian dengan baik.

"Alhamdulillah, dengan kerjasama MPPK sebagai badan perwakilan pelajar yang menjaga kebajikan pelajar, PTPTN dapat merealisasikan hasrat untuk membantu golongan pelajar asnaf terlibat," katanya dipetik oleh kenyataan itu.

<https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1942525>